



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission

PERANCANGAN PELABURAN PERIBADI UNTUK PELABUR MALAYSIA

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 – MEMAHAMI PELABURAN

- Apakah yang dimaksudkan dengan Pelaburan
- Jenis-jenis Pelaburan

BAHAGIAN II – PERANCANGAN KEWANGAN

- Nilai kedudukan kewangan anda
- Sediakan pelan kewangan sendiri
- Memahami risiko Pelaburan
- Pelbagaikan Pelaburan anda
- Profit risiko anda
- Pemikiran yang rasional
- Awasi Pelaburan anda
- Melabur dengan bijak : Yang jangan dan yang mesti dilakukan
- Berwaspada dengan beberapa peraturan dagangan

BAHAGIAN I - MEMAHAMI PELABURAN

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PELABURAN?

Apabila hendak mengumpul wang untuk mengerjakan haji, membeli rumah atau untuk masa depan anak-anak, kebanyakan kita hanya memikirkan untuk menyimpan wang di bank. Tetapi kini, terdapat beberapa pilihan yang boleh menambah simpanan anda seperti yang sering disebut sebagai, "membuat wang anda bekerja untuk anda." Biasanya, wang yang kita simpan di bank tidak akan tumbuh melebihi kadar inflasi tetapi ia mempunyai kelebihan besar iaitu hampir bebas daripada risiko. Sebaliknya, pelaburan yang dirancang dengan teliti boleh membawa kadar pulangan yang lebih tinggi. Bagaimana pun, risiko yang dikaitkan dengan pelaburan juga lebih tinggi.

Kalau begitu, apakah yang dimaksudkan dengan pelaburan? Pelaburan adalah komitmen dana kepada satu aset atau lebih yang akan dipegang untuk satu tempoh pada masa hadapan, dengan harapan aset tersebut akan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Aset yang dimaksudkan merangkumi aset dalam bentuk ketara seperti hartanah atau aset kewangan tak ketara seperti sekuriti kewangan. Kesesuaian pelaburan atas aset-aset ini adalah bergantung kepada matlamat dan objektif kewangan anda.

Anda boleh menikmati pulangan pelaburan yang lebih baik dengan membuat pelaburan yang bijak. Pelabur bijak sentiasa mencari peluang pelaburan yang akan menghasilkan pulangan lebih tinggi.

Andaikan anda berjaya menyimpan sedikit wang setiap bulan dan kini anda mempunyai jumlah terkumpul yang banyak. Apakah yang akan anda lakukan dengan wang tersebut? Bagaimana hendak memastikan wang simpanan itu menghasilkan pulangan yang lebih tinggi?

Anda tahu bahawa RM100 yang disimpan di bawah bantal tetap akan kekal RM100 walaupun masa berlalu selama sepuluh atau dua puluh tahun atau selama-lamanya. Sebaliknya, menyimpan wang dalam bank mungkin hampir tiada risiko tetapi kuasa beliannya pula sentiasa merosot disebabkan inflasi dan cukai. Oleh itu, anda harus mencari alternatif pelaburan dan membuat perancangan pelaburan dengan bijak untuk mengembangkan nilai pelaburan anda dan seterusnya mendapat pulangan yang terbaik.

JENIS-JENIS PELABURAN

Pasaran modal Malaysia menawarkan beberapa jenis produk pelaburan seperti saham, saham pinjaman, bon, waran dan amanah saham. Jenis produk yang dipilih oleh pelabur untuk melabur bergantung kepada pelbagai faktor seperti matlamat kewangan anda, tempoh masa, dan jumlah modal yang dimiliki.

Lazimnya, terdapat dua bentuk pelaburan. Pelaburan fizikal merangkumi hartanah, kilang, jentera dan lain-lain bentuk aset ketara. Pelaburan kewangan pula merangkumi sekuriti seperti saham, bon, waran dan lain-lain bentuk aset kewangan tak ketara. Sekuriti adalah dokumen formal yang menjadi bukti pelaburan kewangan di mana nama pemilik dan hak pembayaran balik antara kedua-dua pihak dicatatkan.

Sebahagian besar daripada pelaburan kewangan merangkumi sekuriti ekuiti dan sekuriti hutang. Sekuriti ekuiti, misalnya saham sebuah syarikat, membuktikan pemilikan seluruh atau sebahagian daripada sebuah syarikat atau aset produktifnya. Perlu diingat, tiada jaminan bahawa pemilik sekuriti ekuiti akan menerima balik jumlah modal yang dilaburkan atau pulangan tetap bagi pelaburan mereka. Ini bermakna, seorang pelabur ekuiti itu mengambil risiko kerana pulangan akan hanya diterima pada masa akan datang, bergantung kepada prestasi syarikat.

Sekuriti hutang sebaliknya mempunyai kadar faedah tetap dan tarikh matang tertentu, yakni segala-galanya telah ditetapkan kecuali nilai pasaran, yang turun naik bergantung kepada pergerakan kadar faedah dalam ekonomi. Sebagai pelabur sekuriti hutang, risiko yang ditanggung termasuklah sama ada pembayaran faedah akan diterima atau tidak dan sama ada nilai pokok pinjaman akan dibayar balik. Antara contoh sekuriti hutang adalah bon kerajaan dan swasta, stok pinjaman, bil perbendaharaan dan lain-lain.

Pelaburan Kacukan

Berdasarkan perkembangan dan evolusi produk dalam pasaran modal kita, kini wujud beberapa pelaburan kacukan yang menggabungkan ciri pelaburan hutang dan ekuiti. Anda mungkin pernah dengar mengenai saham pinjaman yakni saham yang boleh dikeluarkan dalam bentuk stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar boleh tebus (redeemable convertible unsecured loan stock atau CULS) atau stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus (irredeemable convertible unsecured loan stock atau ICULS). Jika saham pinjaman itu adalah ICULS, pemegang terpaksa menukar saham pinjaman kepada saham apabila sampai tarikh matang mengikut nisbah penukaran dan harga penukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu.

CULS menggabungkan kelebihan tertentu bon dengan pilihan untuk menukar bon kepada saham biasa. Pada hakikatnya, CULS mempunyai elemen "peruntukan panggilan" di mana syarikat boleh membuat panggilan pada harga yang telah ditetapkan dalam jangka masa tertentu, biasanya antara empat hingga lima tahun. CULS memiliki hak istimewa untuk ditukar kepada saham biasa berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan, yang dikenali sebagai keistimewaan penukaran.

Mengapakah CULS diterbitkan? Keistimewaan penukaran merupakan ciri tambahan yang membuatkan pembelian bon jenis ini lebih menarik. Ia boleh mengurangkan kos pinjaman syarikat (dengan membayar kadar faedah tetap yang lebih rendah) dan membolehkan syarikat mengeluarkan ekuiti tidak langsung yang lebih berfaedah berbanding menjual saham biasa. Pemegang CULS akan menerima pulangan tetap daripada bon dan diberi pilihan untuk menukar CULS kepada saham biasa bagi mendapat keuntungan sekiranya berlaku kenaikan dalam harga saham. Kelebihan ini sesuai bagi pelabur yang mahu berkongsi pertumbuhan syarikat tetapi tidak sanggup menanggung risiko yang tinggi, tetapi sanggup menerima pulangan yang lebih rendah bagi memiliki hak untuk menukar bon kepada saham biasa.

Saham keutamaan juga adalah satu bentuk ekuiti kacukan, yang membolehkan pemegangnya menerima dividen tetap (saham biasa tidak berhak menerima dividen tetap). Biasanya dividen tetap ini adalah berdasarkan peratusan daripada nilai nominal/nilai tara saham. Saham keutamaan yang mempunyai hak menerima tunggakan dividen yang belum lagi dibayar dikenali sebagai saham keutamaan kumulatif. Manakala saham keutamaan yang tidak berhak menerima tunggakan dividen dikenali sebagai saham keutamaan tak kumulatif.

Stok dan Saham

Apabila anda membeli stok atau saham biasa, anda memiliki sebahagian daripada syarikat dan berhak mengundi dalam mesyuarat agung. Setiap saham adalah pegangan kecil hak milik

sesebuah syarikat dan anda boleh membeli sejumlah kecil atau sejumlah besar lot saham bergantung kepada wang yang anda miliki. Sebagai pemegang saham, anda akan menerima faedah daripada keuntungan yang diperolehi syarikat dalam bentuk dividen yang dibayar kepada anda, dan juga daripada pertumbuhan nilai syarikat tersebut.

Mengapakah syarikat menerbitkan saham? Dengan menerbitkan saham, syarikat akan memperoleh dana untuk meneruskan operasi dan mengembangkan perniagaan tanpa perlu membuat pinjaman daripada lain-lain sumber seperti pinjaman daripada bank perdagangan (pinjaman ini boleh meningkatkan risiko kewangan syarikat).

Anda perlu menyedari bahawa pembelian saham mempunyai risiko tertentu. Contohnya, apabila prestasi syarikat merosot, harga saham syarikat mungkin akan jatuh dan anda mungkin tidak akan menerima sebarang dividen. Terdapat juga faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi harga saham anda, umpamanya prestasi pasaran saham secara keseluruhan dan keadaan ekonomi negara. Ada juga kemungkinan anda kehilangan semua wang pelaburan jika syarikat menutup perniagaannya. Selain daripada itu, terdapat juga saham yang sukar dijual kerana kekurangan permintaan. Oleh itu, amat penting bagi pelabur untuk membuat pilihan yang bijak dan tepat ketika hendak membuat pelaburan.

Penasihat kewangan biasanya mengesyorkan saham sebagai sebahagian daripada portfolio pelaburan. Tujuan utama berurus niaga saham sudah tentulah untuk mendapatkan keuntungan dengan membeli pada harga rendah dan menjual pada harga yang tinggi. Bagi para pelabur jangka panjang, memilih saham berdasarkan faktor-faktor asas syarikat adalah amat penting, yakni mereka harus mengetahui latar belakang syarikat yang bakal dilaburkan. Oleh itu, amat penting anda membaca dan memahami prospektus, laporan kewangan dan pengumuman korporat yang diedarkan oleh syarikat-syarikat tersenarai kepada pemegang saham dan orang awam.

Ketika membuat pilihan untuk membeli saham, anda seharusnya meneliti beberapa faktor seperti latar belakang syarikat dan pengurusannya, kekuatan kewangan syarikat, nisbah harga perolehan dan hasil dividen, prospek pertumbuhan perolehan dan kebolehan syarikat untuk bersaing. Pelabur yang bijak akan meneliti faktor-faktor tersebut sebelum melaburkan wang kerana ia boleh mempengaruhi harga saham.

Dalam urus niaga saham, terdapat dua lagi jenis terbitan saham iaitu terbitan bonus dan terbitan hak. Terbitan bonus adalah terbitan baru saham biasa kepada pemegang saham yang sedia ada dan mereka tidak perlu membuat bayaran untuk mendapatkannya tetapi sebaliknya pembayaran diambil daripada rizab syarikat.

Terbitan bonus juga diberi berdasarkan nisbah tertentu dan setiap pemilik saham biasanya mempunyai hak untuk terbitan bonus berkadar terus dengan jumlah pemilikan saham dalam syarikat berkaitan. Terbitan bonus digunakan untuk memperbesarkan modal syarikat dan mungkin juga digunakan sebagai satu cara untuk memberi ganjaran kepada pemegang-pemegang saham yang sedia ada. Untuk menerima saham bonus, anda perlu memberi perhatian kepada lepas tarikh kerana hanya saham-saham yang dibeli sebelum lepas tarikh sahaja yang berhak menerima saham bonus.

Tempoh daripada hari pertama pengumuman hak saham bonus atau terbitan hak atau dividen, sehingga hari sebelum lepas tarikh kerap dirujuk sebagai serta tempoh. Pada amnya, serta adalah awalan yang bermaksud "bersama." Saham yang serta dividen bermakna pembeli berhak menerima dividen yang telah ditetapkan pada masa itu. Begitu juga bagi serta hak dan serta bonus di mana pelabur akan mendapat hak bagi bonus atau terbitan hak berkaitan.

Terbitan hak memberi pemegang saham yang sedia ada hak untuk melanggan saham biasa baru pada harga terbitan yang lebih rendah daripada harga pasaran biasa dan pada nisbah yang sama dengan saham mereka yang sedia ada. Syarikat akan melaksanakan terbitan hak apabila mereka mahu mendapatkan dana tambahan untuk membiayai keperluan modal mereka.

Ketika menawarkan terbitan hak, syarikat akan mengedarkan surat penguntukan sementara (provisional allotment letter atau PAL) kepada semua pemegang saham sedia ada untuk memberitahu mereka mengenai hak terhadap terbitan hak. Pemegang saham dikehendaki mematuhi semua arahan yang terdapat dalam PAL ketika melaksanakan hak mereka untuk memperoleh saham baru. Jika anda memilih untuk tidak melaksanakan hak anda, anda boleh menjual PAL di pasaran terbuka (jika disebut harga) atau menyerahkan hak tersebut kepada orang lain.

Anda tentu pernah melihat saham kategori 'A' disenaraikan dalam akhbar dan majalah pelaburan. Penyenaraian saham 'A' merujuk kepada terbitan saham yang tidak layak menerima hak seperti dividen, bonus dan terbitan hak. Saham ini kemudiannya akan bergabung dengan saham yang sedia ada selepas tarikh hak. Selepas digabungkan, ia akan menjadi saham biasa dan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan saham biasa yang sedia ada.

Bon

Pada amnya, bon diterbitkan oleh kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat korporat, dan biasanya mempunyai ciri-ciri berikut :

- tarikh matang atau tempoh yang ditetapkan
- kadar bayaran faedah tetap (kadar kupon)
- nilai nominal/nilai tara boleh tebus apabila matang

Apabila membeli bon, seseorang pelabur sebenarnya memberi pinjaman kepada penerbit bon sama ada kerajaan atau syarikat. Sebagai pulangan, pelabur akan menerima bayaran faedah tetap dan juga nilai nominal/nilai tara apabila bon tersebut matang pada tempoh yang telah ditetapkan. Bon juga kerap dirujuk sebagai sekuriti pendapatan tetap atau sekuriti faedah tetap.

Di Malaysia, antara istilah yang digunakan untuk bon korporat termasuk debentur dan terbitan hutang persendirian.

Bon digemari di kalangan pelabur kerana dua sebab: ia memberi aliran pendapatan yang stabil dan juga peluang untuk mendapat keuntungan modal hasil daripada peningkatan nilai bon di pasaran. Bagaimanapun, risiko kadar faedah dan risiko harga tetap dikaitkan dengan pembelian bon memandangkan harga bon sentiasa turun naik mengikut pasaran. Secara amnya, apabila kadar faedah naik, harga bon akan turun dan sebaliknya.

Bagi sesetengah pelabur, saham dianggap berupaya menghasilkan pulangan yang lebih tinggi berbanding bon. Pelabur lain pula beranggapan bon mempunyai tahap risiko lebih rendah tetapi lazimnya menawarkan pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan menyimpan wang di bank. Dengan lain perkataan, bon menyediakan keseimbangan yang baik bagi mereka yang terlalu berhati-hati untuk membuat pelaburan yang banyak dalam pasaran saham tetapi ingin memperoleh pulangan yang lebih banyak daripada menyimpan wang di bank.

Pasaran bon di Malaysia merangkumi bon kerajaan dan bon persendirian atau korporat. Pada mulanya, bon kerajaan diterbitkan untuk memenuhi keperluan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan untuk membiayai defisit belanjawan kerajaan. Kemudian bon

diterbitkan untuk memperolehi dana untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sektor awam. Jenis utama bon kerajaan yang diperdagangkan adalah Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB), Bil Bank Negara (BNB), Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Sijil Pelaburan Kerajaan (GIC).

Bon korporat adalah antara instrumen hutang yang diterbitkan oleh syarikat untuk memperoleh modal. Bon korporat diterbitkan dengan tempoh matang yang telah ditetapkan, dan pembayaran faedah yang tetap kepada pelabur. Bon ini diurus niaga di pasaran sekunder oleh institusi pelaburan seperti syarikat kewangan dan rumah diskaun. Bon kerajaan dan korporat biasanya didagangkan oleh institusi dan dalam jumlah yang besar.

Pelabur runcit boleh membuat pelaburan bon melalui dana bon dan dalam saham pinjaman seperti saham pinjaman boleh tukar atau tidak boleh tukar dan saham pinjaman tercagar atau tidak tercagar yang disenaraikan di pasaran sekunder.

Waran dan Hak Langganan Boleh Pindah (TSR)

Hak Langganan Boleh Pindah (TSR) atau kini lebih dikenali sebagai waran, memberi pemegangnya hak tetapi bukan kewajipan, untuk melanggan saham biasa baru pada harga kuat kuasa yang telah ditetapkan dalam tempoh masa tertentu. Perlu diingat bahawa waran tidak bernilai lagi selepas tempoh masa yang ditetapkan.

Apabila membeli waran, bayaran yang dijelaskan biasanya lebih rendah daripada harga saham atau aset pendasar yang diliputinya, justeru ia tidak memerlukan modal yang tinggi berbanding membeli saham atau aset pendasar daripada pasaran secara langsung. Oleh itu, waran memberi anda hak untuk membeli instrumen dasar pada harga yang telah dipersetujui dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Misalnya, jika anda membeli waran untuk saham sebuah syarikat, anda lebih dahulu dikehendaki membayar harga waran (misalnya RM0.50 satu unit), yang biasanya lebih rendah daripada harga saham. Dalam tempoh yang telah ditetapkan, waran memberi anda hak untuk melanggan saham pada harga kuat kuasa yang ditetapkan, misalnya RM2 bagi setiap saham. Jika harga pasaran saham itu naik melebihi RM2, anda boleh membuat keputusan untuk menguatkuasakan hak anda dengan membeli saham pada harga yang dipersetujui iaitu RM2.

Sekiranya keadaan yang sebaliknya berlaku, iaitu harga aset pendasar atau saham seperti yang terdapat dalam contoh di atas jatuh bawah paras RM2, anda boleh membuat keputusan untuk tidak menguatkuasakan hak anda untuk melanggan saham tersebut pada harga RM2 kerana ianya tidak lagi menguntungkan. Ia tidak lagi menarik kerana anda boleh membelinya di pasaran dengan harga yang lebih rendah. (Contoh yang diberi di atas hanyalah sebagai gambaran dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat pelaburan untuk membeli atau menjual waran).

Ingatlah bahawa waran tidak bernilai lagi selepas tamat tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.

Kontrak Hadapan, Niaga Hadapan dan Opsyen

Kontrak hadapan, niaga hadapan dan opsyen adalah instrumen asas terbitan derivatif yang juga aset kewangan yang nilainya bergantung kepada nilai aset pendasar seperti saham biasa, bon, mata wang atau komoditi (contohnya minyak kelapa sawit mentah, getah, koko dan tin). Kontrak hadapan, niaga hadapan dan opsyen digunakan untuk mengurus risiko atau perlindungan nilai pelaburan parapelabur berdasarkan kepada jangkaan arah pasaran pada masa hadapan.

Terdapat juga spekulator yang mementingkan keuntungan dan sanggup membeli kontrak niaga hadapan pada harga yang rendah dan kemudian menjualnya pada harga yang tinggi. Spekulator merupakan peserta pasaran yang penting kerana ia dapat memberikan kecairan kepada pasaran dan peluang untuk dagangan yang berterusan.

Tahap risiko dan liabiliti kewangan yang terlibat dalam opsyen dagangan dan kontrak niaga hadapan harus difahami dengan jelas dan sepenuhnya sebelum melibatkan diri dalam pelaburan-pelaburan ini. Agak rumit untuk memberi penjelasan terperinci mengenai instrumen-instrumen tersebut dalam buku kecil ini. Hanya penjelasan ringkas sahaja dapat diberikan di sini.

Apabila persetujuan telah dibuat antara dua pihak untuk membeli atau menjual sesuatu aset pada harga yang telah dipersetujui dan pada satu tarikh yang ditetapkan, keadaan ini diistilahkan sebagai kontrak hadapan. Contohnya, pengusaha sebuah kilang penapis minyak kelapa sawit mentah memerlukan 1,000 tan minyak kelapa sawit mentah dalam masa enam bulan. Dia akan mendapatkan seorang pengeluar minyak kelapa sawit yang bersetuju menjual 1,000 tan minyak kelapa sawit pada harga dan tarikh tertentu yang telah ditetapkan, dalam masa enam bulan akan datang. Perjanjian seperti itu yang dimeterai oleh dua buah pihak merupakan satu bentuk kontrak hadapan.

Oleh yang demikian, kontrak hadapan adalah kontrak yang tidak diseragamkan, iaitu selagi harga dan tarikh tertentu dipersetujui kedua-dua pihak, mereka boleh mewujudkan kontrak hadapan sendiri untuk apa sahaja jenis komoditi. Urus niaga persendirian yang diatur seumpama itu dilakukan atas kaunter (over the counter atau OTC) berbanding dengan pembelian dan penjualan kontrak niaga hadapan di bursa.

Kontrak niaga hadapan sama seperti kontrak hadapan kerana kedua-duanya merupakan persetujuan antara pembeli dan penjual untuk menukar sejumlah wang tunai yang ditetapkan untuk sesuatu aset pada tarikh akan datang. Bagaimanapun, berbeza dengan kontrak hadapan, kontrak niaga hadapan didagangkan di bursa dan perjanjian ini diseragamkan dengan spesifikasi kontrak yang mencatatkan dengan jelas jumlah dan kualiti barangan yang akan dibeli atau dijual, pada harga yang telah ditetapkan, pada tarikh akan datang yang juga telah ditetapkan. Kontrak seperti ini tidak diatur secara persendirian sebaliknya diumumkan kepada awam bagi membolehkan sesiapa sahaja turut serta dalam urus niaga.

Setiap kontrak niaga hadapan mempunyai tarikh tamat tempoh iaitu pada hari terakhir urus niaga dalam bulan kontrak tertentu. Pada hari tersebut, sebarang kedudukan niaga hadapan yang terbuka (yakni belum lagi ditutup paksa oleh urus niaga bertentangan) akan dipaksa membuat penghantaran fizikal atau penyelesaian tunai. Selepas tarikh tamat tempoh, kontrak niaga hadapan tidak wujud lagi.

Tujuan utama dagangan niaga hadapan biasanya bukanlah untuk membeli atau menjual barangan fizikal atau instrumen kewangan tetapi adalah untuk menguruskan risiko harga. Kebanyakan pedagang, tidak kira sama ada spekulator atau pelindung nilai akan menutup paksa kontrak mereka dengan mengambil tindakan bertentangan apabila mereka berpendapat masanya sesuai. Jika seseorang pedagang telah membeli kontrak niaga hadapan, dia akan menjualnya untuk penutupan paksa. Sebaliknya, jika seseorang pedagang telah menjual kontrak niaga hadapannya, dia akan membelinya semula untuk penutupan paksa. Oleh itu, pasaran niaga hadapan bertindak sebagai mekanisme pemindahan risiko yang membolehkan pedagang yang terdedah kepada risiko ini memindahkan risiko tersebut kepada orang lain.

Opsyen adalah kontrak antara dua pihak di mana satu pihak (pembeli) mempunyai hak tetapi tidak berkewajipan untuk membeli atau menjual aset tertentu pada harga tertentu, pada atau

sebelum waktu tertentu daripada pihak satu lagi (penjual). Oleh yang demikian, penjual opsi mempunyai liabiliti kontingen atau satu kewajipan yang akan diaktifkan jika pembeli melaksanakan haknya. Waran merupakan satu bentuk opsi panggilan.

Terdapat dua jenis opsi iaitu opsi gaya Amerika atau opsi gaya Eropah:

- Opsi gaya Amerika boleh dikuatkuasakan oleh pembeli pada bila-bila masa daripada tarikh pembelian sehingga (dan termasuk) tarikh tamat tempoh.
- Opsi gaya Eropah boleh dikuatkuasakan oleh pembeli hanya pada tarikh tamat tempoh yang telah ditetapkan.

Di Malaysia, Bursa Opsi dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) sedang merancang untuk melancarkan opsi Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebelum akhir tahun 2000. Opsi indeks saham akan diniagakan mengikut opsi gaya Eropah.

Ciri penting ialah pembeli opsi tidak diwajibkan untuk menyempurnakan urusan niaga dan akan hanya berbuat demikian jika perubahan yang berlaku pada harga instrumen pendasar menguntungkan. Pembeli opsi dilindungi daripada pergerakan pasaran yang tidak menentu namun masih berupaya meraih keuntungan daripada pergerakan yang memihak kepada pembeli.

Amanah Saham

Sejak beberapa tahun lalu, unit amanah semakin diterima dan semakin dikenali. Oleh itu, beberapa muka surat dalam buku kecil ini memberi tumpuan kepada pelaburan unit amanah.

Tabung Amanah Saham adalah satu skim pelaburan yang mengumpulkan wang daripada sejumlah besar pelabur yang berkongsi objektif kewangan yang sama. Dana ini kemudian diuruskan oleh sekumpulan pengurus profesional yang melaburkan wang yang terkumpul ke dalam portfolio sekuriti seperti saham, bon dan instrumen pasaran wang atau lain-lain sekuriti dibenarkan untuk mencapai objektif dana.

Jumlah aset dana akan menentukan nilai dana atau harga yang perlu dijelaskan oleh pemegang unit atau jumlah yang bakal diterima apabila amanah saham itu dijual. Dana tersebut memperoleh pendapatan daripada pelaburan dalam bentuk dividen, pendapatan faedah dan perolehan modal. Pendapatan ini kemudian diagihkan kepada semua pemegang unit mengikut unit yang mereka miliki, dalam bentuk dividen atau unit bonus.

Ada tiga sumber maklumat yang harus anda teliti ketika mahu memilih dana. Dokumen-dokumen ini termasuk Prospektus dana, Surat Ikatan Amanah dan penyata kewangan yang mengandungi laporan tahunan dan interim yang boleh didapati secara percuma untuk semakan di premis pengurus dana.

Sebagai pelabur, anda harus mempertimbangkan faktor-faktor berikut ketika memilih dana :

- Objektif pelaburan
- Polisi pelaburan seperti jenis-jenis pelaburan dibenarkan dan strategi
- Saiz dana dan aliran pertumbuhan
- Sebarang sekatan pelaburan
- Potensi risiko
- Jenis-jenis dan jumlah yuran
- Prestasi lepas, terutama sekali pengagihan pendapatan kepada pelabur- pelabur

dan pertumbuhan aset

- Portfolio pelaburan yang terkini
- Maklumat berkenaan lembaga pengarah, pasukan pengurusan utama, juruaudit dan pemegang amanah.

Kelebihan melabur dalam amanah saham

Kepelbagaian

Pelabur-pelabur dalam amanah saham berpeluang menyertai lebih banyak sekuriti berbanding dengan pelaburan yang dibuat secara persendirian. Dengan wang yang terhad, pelabur persendirian hanya mampu membeli unit saham yang kecil dan saham beberapa buah syarikat sahaja. Tetapi sekiranya wang tersebut dikumpulkan dengan wang pelabur lain, ia boleh digunakan untuk membeli saham lebih banyak syarikat. Kerugian yang ditanggung oleh beberapa kaunter boleh diimbangi oleh keuntungan yang diperolehi daripada kaunter lain. Oleh yang demikian, risiko dapat dikurangkan, malahan risiko yang ditanggung oleh pelabur juga akan terus berkurangan jika pelabur itu membuat pelaburan dalam beberapa dana dan tidak terhad kepada satu dana sahaja.

Mudah tunai

Pembelian dan penjualan amanah saham lebih mudah berbanding melabur terus dalam saham sesebuah syarikat di mana harga dan peluang untuk membuat urus niaga bergantung kepada penawaran dan permintaan pada masa itu.

Pengurusan profesional yang berterusan

Amanah saham diuruskan oleh kumpulan profesional berpengalaman yang menguruskan dana mengikut cara yang tersusun dan teratur berbanding dengan pelabur individu yang mungkin membuat pelaburan secara rambang. Keputusan pelaburan yang diambil oleh pengurus dana dibuat berdasarkan penyelidikan meluas dan mereka akan terus mengawasi portfolio berdasarkan maklumat yang telah diselidiki.

Peluang memiliki aset kewangan lebih luas

Pengurus dana amanah saham boleh menukar beli produk pelaburan yang biasanya tidak berpeluang didekati oleh pelabur individu, seperti bon kerajaan dan korporat yang mungkin dihadkan kepada pelabur institusi sahaja. Seseengah daripada produk ini diniagakan dalam jumlah besar, dan ini membataskan kemampuan pelabur individu walaupun pelabur individu diberikan peluang tersebut.

Memahami risiko dan kos yang dikaitkan dengan amanah saham

Memandangkan amanah saham dilaburkan dalam sekuriti boleh pasar, sudah tentu ia terdedah kepada pergerakan pasaran. Kepelbagaian dapat mengurangkan risiko, namun tidak dapat menghapuskannya sama sekali. Harga amanah saham akan naik dan turun, dividen mungkin akan dibayar atau mungkin juga tidak, dan anda mungkin akan menanggung kerugian atau mendapat keuntungan ketika menjual amanah saham anda.

Anda perlu ingat bahawa rekod prestasi dana boleh dijadikan panduan kepada prestasi akan datang tetapi ia bukanlah satu jaminan. Dana yang telah mempamerkan kecemerlangan pada masa lalu mungkin tidak akan berbuat demikian pada masa akan datang. Melabur dalam amanah saham boleh memberi pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan simpanan bank tetapi risikonya juga lebih tinggi.

Pelabur juga akan dikenakan beberapa bayaran. Oleh itu adalah penting anda mengkaji pelbagai yuran yang akan dikenakan kepada anda oleh pengurus dana. Syarikat-syarikat pengurusan dibenarkan mengenakan tiga jenis yuran :

- Bayaran perkhidmatan awal - biasanya bayaran ini akan dimasukkan dalam harga jualan dana
- Yuran pembelian semula - bayaran ini boleh dimasukkan dalam harga pembelian dana
- Yuran pengurusan - mewakili yuran syarikat pengurusan kerana mentadbir dana dan dituntut terus daripada dana.

Selain daripada yuran-yuran yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa perbelanjaan lain seperti yuran pemegang amanah dan perbelanjaan brokeraj yang akan ditanggung oleh dana. Pengurusan yang tidak cekap boleh membawa kepada kos pentadbiran yang tinggi, jadi adalah penting anda meneliti pelbagai yuran yang dikenakan ketika memilih dana.

Jenis-jenis amanah saham

Amanah saham dianggap sebagai instrumen yang baik untuk perancangan kewangan sederhana hingga jangka panjang. Bagaimanapun, amat penting memilih dana bersesuaian bergantung kepada profil risiko dan objektif pelaburan anda. Di sini disenaraikan kebanyakan jenis amanah saham berbeza yang ada di pasaran pada masa ini :

Dana pendapatan: Melabur dalam sekuriti pendapatan tetap dan saham yang menghasilkan dividen besar dengan tujuan akan mendapat kebanyakan daripada pulangan. Sesuai untuk pelabur yang mencari pendapatan dan sedikit pertumbuhan dengan risiko yang rendah.

Dana pertumbuhan modal: Pelaburan utama dalam saham dengan harapan akan memaksimumkan pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang (yakni melalui harga unit yang lebih tinggi). Paling diminati oleh pelabur yang suka risiko tinggi dan berminat terhadap pengumpulan modal.

Dana pertumbuhan agresif : Sama dengan dana pertumbuhan modal tetapi pelaburan dibuat dalam saham agresif yang menjanjikan pulangan tinggi dengan risiko yang lebih tinggi. Sesuai untuk pelabur berisiko tinggi.

Dana terimbang : Cuba mencapai tiga objektif : pendapatan, naik nilai sederhana dan pemeliharaan modal. Pelaburan dibuat dalam pelbagai kategori aset yang merangkumi saham, sekuriti pendapatan tetap dan wang tunai. Kepelbagaian yang baik dan sesuai untuk pelabur yang mencari pelaburan selamat di mana risikonya lebih rendah dan menghasilkan pulangan yang sederhana.

Dana indeks : Melabur dalam sejumlah besar saham yang menjejaki indeks pasaran saham terpilih.

Dana bon : Melabur hanya dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon dan instrumen pasaran wang jangka pendek. Semua dana bon tertakluk kepada risiko kadar faedah dan kebanyakannya pula tertakluk kepada risiko kredit atau risiko mungkir penerbit sekuriti.

Dana pasaran wang : Melabur hanya dalam instrumen pasaran wang jangka pendek seperti bil perbendaharaan, sijil deposit boleh niaga dan penerimaan jurubank, dengan tempoh kematangan

kurang daripada 90 hari. Memandangkan dana dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, pulangan yang diterima pada amnya lebih menarik jika dibandingkan dengan deposit simpanan.

Dana Islam : Diuruskan berlandaskan prinsip-prinsip syariah; pelaburan dibuat dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap dan tidak merangkumi saham yang tidak 'halal' dan instrumen pasaran wang yang berfaedah.

Dana negeri : Diuruskan oleh perbadanan pembangunan negeri untuk pelabur dari negeri masing-masing.

BAHAGIAN II – PERANCANGAN KEWANGAN ANDA

NILAI KEDUDUKAN KEWANGAN ANDA

Sebelum memulakan sebarang rancangan untuk membuat pelaburan, anda perlu terlebih dahulu menilai kedudukan kewangan anda, dan menentukan berapa banyak yang anda boleh ketepikan untuk membuat pelaburan iaitu sebagai satu cara menambah simpanan tunai anda. Oleh itu, anda harus mempertimbangkan soalan-soalan berikut:

- Berapakah pendapatan semasa anda?
- Berapa banyak wang simpanan anda?
- Berapa banyak boleh anda simpan pada setiap bulan?
- Apa tujuan anda menyimpan wang?
- Apakah aset cair yang anda miliki umpamanya simpanan atau saham?
- Apakah aset tetap yang anda miliki umpamanya rumah atau rumah kedai?
- Apakah pinjaman yang telah anda ambil dan berapa banyak faedah atau bayaran pokok yang anda kena bayar balik?

Amat penting menilai kedudukan kewangan semasa anda dengan jujur, tahu di mana kedudukan anda sebelum membuat keputusan arah tuju masa depan. Senaraikan data kuantitatif anda, umpamanya pendapatan dan nilai pelaburan semasa serta data kualitatif seperti keutamaan dan matlamat gaya hidup.

Selepas menilai kedudukan kewangan semasa, anda bolehlah menetapkan matlamat dan menentukan sama ada anda mahu menyimpan wang untuk membeli sebuah rumah dalam masa tiga hingga lima tahun akan datang atau mengumpul kekayaan untuk persediaan ketika bersara. Atau mungkin untuk menunaikan fardu haji ataupun pendidikan tinggi anak-anak dalam masa lima hingga 10 tahun lagi.

SEDIAKAN PELAN KEWANGAN SENDIRI

Perancangan kewangan adalah satu proses di mana pelabur individu menilai matlamat dan kedudukan kewangan sendiri untuk menyediakan dan melaksanakan sesuatu pelan kewangan. Pelan kewangan membabitkan keputusan sama ada "hendak melabur atau tidak melabur" atau "hendak membuat pelaburan dalam apa atau tidak membuat pelaburan dalam apa". Ini pula bukanlah sesuatu yang statik tetapi proses berterusan. Setelah membuat penetapan, anda perlu mengawasi pelan kewangan supaya ia boleh menyerap perubahan dalam matlamat peribadi anda, persekitaran ekonomi dan maklumat baru yang diterima. Ia adalah satu proses berterusan yang mengaitkan kedudukan kewangan peribadi dengan objektif kewangan anda sambil mengambil kira persekitaran kewangan yang sentiasa berubah-ubah.

Objektif kewangan anda mungkin merangkumi, antara lain :

- menghasilkan tahap pendapatan yang dikehendaki
- mengekalkan atau meningkatkan kuasa pembelian aset.
- mewujudkan tahap risiko yang boleh diterima
- mencapai tahap kecairan dan kelenturan yang sesuai.
- mencapai tahap terjamin dan berdikari yang memadai untuk masa kini dan akan datang
- memaksimumkan pulangan dalam tempoh tertentu
- mewujudkan jadual waktu yang sesuai untuk melabur, tempoh memegang sesuatu pelaburan itu dan melepaskan pelaburan.

MEMAHAMI RISIKO PELABURAN

Sebelum berasa puas hati dan melaksanakan pelan kewangan anda, ada satu lagi prinsip asas yang perlu sentiasa diingat iaitu lebih tinggi pulangan yang diperolehi daripada pelaburan, lebih tinggi risiko yang ada.

Ini adalah prinsip asas pelaburan; balasan risiko seimbang yang dikaitkan secara langsung dengan setiap keputusan pelaburan yang anda buat. Lebih tinggi risiko yang ditanggung, lebih banyak ganjaran yang diperolehi. Sebaliknya pula juga benar!

Amnya, ada tiga jenis risiko pelaburan :

- Risiko pasaran am - risiko kepada pelaburan yang bergantung kepada keadaan ekonomi dan pasaran antarabangsa. Risiko seperti ini sukar dikawal.
- Risiko sektor pasaran - berkaitan dengan sektor pasaran tertentu, misalnya, prestasi saham kewangan lebih baik berbanding saham perladangan. Atau saham hartanah memberi pulangan yang lebih baik berbanding saham tenaga.
- Risiko khusus - berkaitan prestasi sekuriti atau harta benda tertentu dalam portfolio pelaburan, misalnya, prestasi saham syarikat tertentu dipengaruhi oleh keadaan dalam syarikat berkenaan. Risiko satu pelaburan tidak berjaya berbanding yang lain boleh dikurangkan dengan membuat penyiasatan dan penyelidikan rapi sebelum anda membuat pelaburan, dan ia perlu sentiasa diawasi.

Untuk menangani ketiga-tiga risiko pelaburan tersebut adalah wajar jika anda memastikan aset anda dipelbagaikan.

PELBAGAIKAN PELABURAN ANDA

Elak melaburkan semua wang anda dalam satu jenis pelaburan kerana bukan mudah meramalkan arah pasaran. Misalnya, jika semua simpanan anda terikat dalam pasaran saham, alangkah malang sekali jika anda memerlukan wang tunai dengan segera ketika kegawatan ekonomi berlaku sedangkan pasaran saham mengalami kejatuhan.

Atau anda meletakkan semua wang anda dalam satu sektor pasaran saham, misalnya dalam sektor hartanah atau kewangan, dan kemudian terpaksa menanggung kemerosotan sektor-sektor tersebut sementara sektor yang lain berkembang pesat.

Oleh itu, amat penting anda mempelbagaikan pelaburan dengan memiliki pelbagai jenis aset dalam pelbagai produk pelaburan yang terdiri daripada pelbagai sektor. Melalui mempelbagaian, anda mengurangkan risiko kerugian modal dan memungkinkannya pulangan yang lebih baik, lebih konsisten, dalam jangka masa yang lebih lama.

Pelbagaikan pelaburan anda untuk mengurangkan risiko. Mana-mana pelaburan yang tidak menunjukkan prestasi baik boleh diimbangi oleh pelaburan yang berprestasi lebih baik. Elakkan kepelbagaian yang berlebihan kerana pendekatan ini boleh menyebabkan pulangan berkurangan. Lagi pun, sukar mengawasi pelaburan jika portfolio anda terlalu meluas.

PROFIL RISIKO ANDA

Jenis pelaburan yang dipilih, dan setinggi mana risiko yang sanggup diterima bergantung kepada profil risiko peribadi anda. Sama ada anda mampu mengambil risiko dan sejauh mana kesanggupan untuk menerima risiko adalah persoalan subjektif. Ia bergantung kepada sama ada kedudukan kewangan anda benar-benar terjamin untuk mengambil kesempatan dalam dunia pelaburan, dan sejauh mana anda selesa menerima risiko kewangan.

Pendek kata, jumlah risiko yang harus anda terima bergantung pula kepada taraf kehidupan anda, nilai bersih harta dan simpanan yang anda miliki, pendapatan semasa, potensi pendapatan dan tuntutan kewangan yang anda tanggung. Gabungkan kesemua ini dengan segala tuntutan yang perlu ditanggung dan harapan daripadanya serta matlamat kewangan yang anda harap untuk dicapai dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang.

Disenaraikan di sini beberapa contoh profil risiko dan jenis pelaburan yang telah dipadankan dengan personaliti dan objektif.

Profil pelabur	Jenis Pelaburan
Amat konservatif	Sekuriti kerajaan, sekuriti yang dijamin oleh bank, sekuriti amanah
Konservatif	Semata-mata pelaburan pendapatan, debentur, bon korporat, produk insurans yang tertentu
Kelompok pertengahan	Harta tanpa hutang, saham, pelaburan yang berkait langsung dengan amanah (dengan penekanan kepada pertumbuhan), pelaburan-pelaburan antara bangsa
Usahawan	Harta dengan hutang, saham pertumbuhan, pelaburan yang berkait langsung dengan amanah (dengan penekanan kepada pertumbuhan), pelaburan antarabangsa
Spekulatif	Opsyen, niaga hadapan, lukisan atau koleksi berharga

Ciri-ciri yang terdapat dalam jadual di atas hanyalah satu petunjuk. Untuk lebih tepat, lain-lain ciri dan faktor juga perlu diambil kira. Sesetengah orang mungkin tidak setuju langsung dengan kategori pelaburan yang telah dipadankan dengan profil risiko. Selain itu, mungkin juga berlaku pertindihan dalam ciri/faktor.

PEMIKIRAN YANG RASIONAL

Menaiki kereta api yang betul dan pada masa yang tepat amat penting jika mahu sampai ke destinasi yang hendak dituju dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sesuatu keputusan untuk membuat pelaburan lebih mudah disebut daripada dilakukan, apalagi sudah menjadi sifat semula jadi manusia suka mengikut rentak ramai. Kita perlu disiplin untuk mengatasi emosi dan berfikir secara rasional. Harus juga diingat bahawa dalam apa sahaja pelaburan, terdapat ketika di mana keadaan tidak menentu akan menyebabkan berlakunya penyimpangan jangka pendek. Oleh itu, anda perlu tabah dan pegang pelaburan anda untuk tempoh yang lebih lama supaya dapat mengimbangi turun naik harga dalam tempoh jangka pendek.

Elak bertindak kerana khabar angin. Kerap kali terdengar desas-desus mengenai harga saham-saham tertentu akan naik dan ramailah berebut-rebut membeli saham tersebut sehingga mendorong harganya melonjak naik. Langkah pembelian tinggi menyebabkan harga saham naik dan membolehkan pihak yang memulakan khabar angin itu mengambil kesempatan untuk menjual saham-saham mereka pada harga yang lebih tinggi. Anda mungkin terperangkap dan akhirnya terpaksa memegang saham itu pada harga yang tinggi apabila nilainya jatuh kerana penjualan mendadak/berterusan.

Oleh itu, periksa dengan teliti semua maklumat dan bertindak hanya setelah berfikir dengan rasional.

AWASI PELABURAN ANDA

Tidak kira betapa bagus pelan kewangan yang disediakan dan berjaya pula dilaksanakan pada masa lalu, ia tidak kekal dan statik. Undang-undang dan peraturan sentiasa berubah, persekitaran ekonomi sentiasa bergerak, kesan pasaran domestik dan antarabangsa memerlukan anda sentiasa mengkaji semula pelaburan anda untuk memastikan strategi pelaburan yang sedia ada masih relevan dengan objektif dan matlamat kewangan anda.

Berapa kerap anda harus menyemak dan menilai prestasi pelaburan bergantung kepada saiz dan jangka masa pelaburan. Ia bergantung juga kepada strategi pelaburan anda dan juga sama ada anda telah memilih pelaburan berisiko rendah atau berisiko tinggi.

Menilai Prestasi

Mengawasi pelaburan anda hendaklah menjadi satu proses yang berterusan dan dinamik. Anda harus sentiasa waspada tentang perubahan keadaan dan sekatan-sekatan yang dihadapi, memahami perubahan-perubahan yang berlaku dalam pasaran modal dan bagaimana ia berkait rapat dengan anda. Selain itu, anda harus sentiasa sedar kedudukan ekonomi negara dan prestasi syarikat yang sahamnya anda miliki, untuk memastikan sama ada anda perlu menyusun semula strategi pelaburan.

Sekiranya anda mempunyai saham, awasi prestasi syarikat dengan memantau:

- Keuntungan
- Pertumbuhan pendapatan
- Sumbangan keuntungan mengikut segmen
- Dividen
- Hutang.

Sentiasa baca pengumuman syarikat, surat pekeliling pemegang saham, laporan tahunan dan interim dan tumpukan perhatian kepada tarikh tutup hak, waran, pengambilalihan, perolehan, laporan juruaudit dan kepentingan pengarah.

Anda juga harus menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan untuk mengetahui bagaimana syarikat ditadbirkan dan untuk mengukur prospek perniagaannya.

Jumlah Pendapatan, Pulangan Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

Prestasi pelaburan anda harus diukur melalui jumlah pendapatan yang diperoleh. Jumlah pendapatan merangkumi pendapatan dividen dicampur untung modal setelah menjual pelaburan

anda. Untuk mendapatkan peratus pulangan, bahagi jumlah pulangan dengan kos pelaburan dan darab dengan 100. Konsep ini amat penting apabila mahu membuat penilaian untuk melihat prestasi pelaburan anda. Jangan melihat pendapatan daripada dividen sahaja sebagai pengukur prestasi.

Pulangan pendapatan daripada pelaburan adalah pendapatan yang dihasilkan bersamaan dengan peratus nilai pasaran pelaburan.

Apabila memperkatakan tentang saham, pendapatan adalah melalui pembayaran dividen; di mana pendapatan pelaburan hutang seperti bon merupakan pembayaran faedah. Biasanya kadar hasil diukur berdasarkan tempoh 12 bulan tetapi boleh juga diukur tanpa mengambil kira jangka masa.

Cara paling lazim untuk mengira kadar hasil pelaburan adalah dengan membahagi pendapatan yang diterima dalam tempoh 12 bulan berbanding nilai pasaran semasa. Bagaimanapun, ingat bahawa terdapat cara lain untuk mengira kadar hasil, semuanya sah dan semuanya berguna.

Pertumbuhan modal daripada pelaburan adalah kenaikan nilai sesuatu pelaburan dalam satu jangka masa. Ia tidak mengambil kira pendapatan yang diterima oleh pelabur daripada pelaburan tersebut.

Untung modal atau kerugian adalah perbezaan antara harga jualan atau wang yang diterima setelah menjual pelaburan itu berbanding pembeliannya atau harga kosnya.

Mengawasi Amanah Saham

Untuk skim pelaburan berkelompok seperti amanah saham, anda juga patut mengawasi pengurus dana anda di segi:

- Prestasi
- Strategi
- Portfolio.

Anda boleh mendapatkan maklumat berikut daripada pengurus dana:

- Prestasi pasaran pelaburan yang relevan
- Tahap turun naik berkaitan dengan pulangan
- Kadar inflasi
- Prestasi pengurus dana lain yang serupa
- Strategi yang digunakan.

Anda harus ingat bahawa hasil yang diterima daripada pelaburan tertakluk kepada banyak faktor rambang dan maklumat prestasi jangka pendek tidak semestinya ukuran tepat tentang kemahiran pengurus dana anda. Pengurus dana diukur berdasarkan perkhidmatan yang mereka sediakan, yakni prestasi dan laporan. Anda perlu tanya sama ada apa yang diharapkan daripada pulangan telah dipenuhi. Adakah pengurus dana telah melakukan apa yang anda harapkan, misalnya membeli saham selaras dengan strategi dan mandat yang telah dibincangkan? Sebagai langkah permulaan, pastikan yang anda berurusan dengan wakil dan ejen yang bertauliah.

MELABUR DENGAN BIJAK: YANG JANGAN DAN YANG MESTI DILAKUKAN

- Jangan membeli pelaburan yang ditawarkan melalui panggilan telefon daripada orang yang tidak dikenali atau membenarkan jurujual mendesak anda membeli pelaburan. Minta maklumat secara bertulis sebelum membuat keputusan.
- Jangan membuat pelaburan dalam sesuatu yang anda tidak fahami. Dapatkan nasihat pakar.
- Jangan andaikan bahawa pihak yang memberi anda nasihat itu adil
- Jangan tulis cek atas nama penasihat
- Jangan buat pelaburan sehingga anda telah membaca prospektus dan semua maklumat mengenai pelaburan tersebut.
- Mesti berwaspada apabila dijanjikan keuntungan dalam masa singkat atau pulangan yang agak tinggi. Pulangan tinggi biasanya bermakna risiko tinggi.
- Mesti pertimbangkan sikap anda terhadap risiko. Pelaburan yang berlainan mempunyai tahap risiko yang berbeza. Bolehkah anda bertahan sekiranya pelaburan anda jatuh dalam jangka masa pendek?
- Mesti membuat pertimbangan apa yang mahu dicapai. Adakah anda sedang berusaha untuk bergerak serentak dengan inflasi atau mencari pertumbuhan segera? Berapa lama anda sanggup membiarkan wang anda terikat dalam pelaburan?
- Mesti teliti bayaran yang dikenakan. Adakah ia berpatutan? Adakah bayaran itu sama dengan bayaran yang dikenakan oleh pihak lain?
- Mesti ingat bahawa prestasi pelaburan lalu bukan jaminan pulangan akan datang.
- Mesti ingat bahawa melabur dengan wang pinjaman boleh menimbulkan risiko yang lebih tinggi.
- Mesti minta resit dan simpan semua kertas kerja dan surat- menyurat mengenai pelaburan anda di tempat yang selamat.
- Mesti sentiasa mengawasi pelaburan anda.

BERWASPADA DENGAN BEBERAPA PERATURAN DAGANGAN

Membeli dan Menjual Saham

Aduan yang diterima oleh SC menunjukkan bahawa ramai pelabur tidak sedar mengenai Peraturan Sistem Penghantaran dan Penyelesaian Tetap (Fixed Delivery and Settlement System atau FDSS). Ketika diwujudkan, peraturan ini bertujuan untuk menyeragamkan tempoh penghantaran skrip dan penyelesaian harga.

Secara tradisi, saham-saham dipegang dalam bentuk kertas yang dikenali sebagai "sijil" atau "skrip". Kertas ini menjadi bukti bahawa anda pemilik saham. Dengan adanya nama anda

tercatat pada sijil atau skrip saham, anda diiktiraf sebagai pemegang saham dan berhak mengundi pada mesyuarat agung tahunan syarikat dan juga menerima laporan syarikat.

Bagaimanapun, melalui Sistem Depositori Pusat (Central Depository System atau CDS), penghantaran saham kini dikendalikan melalui catatan buku berkomputer, dan tiada lagi urusan niaga menggunakan skrip. Sebaliknya, daripada masa ke semasa, anda akan menerima penyata yang hampir sama dengan penyata bank, yang akan memberitahu anda jumlah dan jenis saham yang anda miliki. Sistem berkomputer membuat penghantaran dan penjelasan saham lebih cekap dan mudah.

Membuka akaun CDS

Sebelum boleh mengurus niaga dalam saham, anda terlebih dahulu harus membuka akaun CDS dengan syarikat broker berlesen, yang menjadi ejen depository bertauliah yang dilantik oleh CDS. Anda juga perlu membuka akaun dagangan dengan syarikat broker. Selepas itu, barulah anda boleh membeli atau menjual saham melalui wakil peniaga atau remisier.

Membeli Saham

Pembelian saham bermula apabila arahan membeli dipadankan di pasaran. Arahan ini diberikan oleh pelanggan kepada remisier untuk membeli saham pada harga yang tertentu. Tarikh arahan membeli dikenali sebagai T. Dalam tempoh lima hari daripada T, atau daripada T hingga T+5, anda mesti menjelaskan harga pembelian saham kepada syarikat broker saham (sila ambil perhatian bahawa T+5 akan dikurangkan kepada T+3 menjelang akhir tahun 2000). Penjelasan atau penyelesaian urusan niaga dianggap sudah selesai setelah sekuriti dan dana sepadan dikreditkan dalam akaun yang sepatutnya.

Jika anda gagal menjelaskan pembayaran saham sehingga sampai tempoh T+5, syarikat broker saham akan memulakan proses penjualan atas T+6. Ini bermakna syarikat broker saham akan menjual saham yang anda telah beli tetapi gagal menjelaskan pembayarannya dan anda dikehendaki menanggung semua kerugian yang timbul ketika urusan niaga. Sebaliknya, jika ada keuntungan daripada penjualan itu, ia akan diserahkan kepada anda. Tetapi pada dasarnya, anda tidak mempunyai kawalan atas penjualan saham.

Menjual saham

Sama juga, apabila anda mengarahkan remisier menjual saham anda pada harga tertentu, tarikh kontrak iaitu T bermula apabila urusan niaga dipadankan. Apabila sampai pada tempoh T+5, anda sepatutnya sudah menerima pembayaran daripada syarikat broker saham, hasil daripada penjualan saham.

Jika jumlah saham yang anda jual tidak mencukupi, BSKL akan melaksanakan "belian semula automatik" ke atas T+5. Ini bermakna BSKL akan membeli saham itu di pasaran pada harga yang lebih tinggi, dan anda dikehendaki menjelaskan perbezaan harga jualan dan pembelian di pasaran.

Pembelian pada margin

Urusan niaga margin bermakna meminjam modal daripada broker untuk membolehkan pelabur membeli lebih banyak sekuriti. Tidak dinafikan, kredit memberi pengaruh untuk

mempertingkatkan potensi memperoleh keuntungan tetapi ia mesti dikawal dengan sewajarnya dan sentiasa diawasi.

Jika ekuiti dalam akaun margin jatuh bawah paras penyelenggaraan yang dikehendaki, pelabur akan menerima panggilan daripada broker. Jika pelabur gagal memberi sebarang tindak balas, broker boleh menjual sekuriti daripada akaun untuk menjelaskan pinjaman bagi mengekalkan peratusan margin.

Berhati-hati dengan 'perangkap' sampingan pada dagangan margin seperti pembayaran faedah dan sifat bercagar urus niaga tersebut.